

ISLAM SIAH DAN KEBANGSAAN

SUATU PERCUBAAN YANG BERANI DI DALAM SIAH ISLAM

Perhatian umum orang Islam tentang perjalanan dan kedudukan agama Islam dengan keadaan-keadaan siah dan kebangsaan sekarang telah mulai hidup semula setelah beberapa lamanya mereka memandang bahawa agama itu hanyalah terletak dalam ibadah semata-mata - tidak ada kena mengena dengan kehidupan sehari-hari. Dengan kerana telah ada perhatian yang demikian itulah kita berasa sangat molek memerhati perjalanan-perjalanan siah dan tadbir dalam masa Rasulullah dan sahabat-sahabatnya, untuk kita mengiktibar bagaimana sebenarnya keadaan dan perihal Islam dengan masalah-masalahnya yang mengenai keadilan kepada masyarakat iaitu perkara-perkara yang bersangkutan paut di dalam hal ehwal pertadbiran secara Islam. Rasanya jika kita sendiri menyiasat perkara ini dengan kita mengumpulkannya di dalam beberapa kitab tidaklah akan sempurna ulasanya dan oleh itulah di sini, untuk masalah ini dipeturunkan sebahagian daripada karangan Doktor Taha Hussain yang sekarang menjadi Menteri Pelajaran Mesir di dalam kitabnya yang bernama "al-Fitnah al-Kubra"



Doktor Taha Hussain

KEADILAN

(1)

Saya hampir-hampir mempunyai keyakinan bahawa cara susunan pertahanan kerajaan Islam (al-Khalifah Islamiyah) sebagaimana yang difaham oleh kedua-dua khalifah yang permulaan - Abu Bakar dan Umar - ialah suatu percubaan yang berani nyaris-nyaris menjadi suatu perbuatan yang nekad tetapi percubaan-percubaan itu tak sampai kepada peringkat yang akhir dan tidak harus rasanya boleh tiba kepada peringkat yang akhir kerana susunan siah yang demikian telah dilancarkan di dalam masa bukan pada masanya bahkan ia telah memintas masa dengan pemintasan yang terlampau jauh.

Tak dapat disangkal bahawa manusia dari dahulu hingga sekarang ini tak dapat membentuk suatu susunan pemerintahan yang boleh mendatangkan keadilan di dalam susunan masyarakat bagi seluruh manusia, menurut cara pemerintahan yang dicuba membentuk oleh kedua-dua khalifah itu, sekalipun dalam

sepanjang-panjang masa itu berbagai-bagai cara pemerintahan telah digubal.


Seterusnya manusia telah mengadakan pemerintahan dengan berbagai-bagai caranya. Di dalam masyarakat manusia telah timbul cara-cara pemerintahan beraja (raja) yang memandang dirinya sebagai tuhan; ada pula raja-raja itu memandang dirinya sebagai bayangan tuhan; raja-raja ini berpendapatan bahawa kekuasaan mereka tidak mereka dapati daripada manusia bahkan kuasa itu mereka dapati dari datuk nenek mereka iaitu tuhan; mereka memandang diri mereka titisan daripada tuhan; mereka memandang diri mereka bayangan-bayangan tuhan yang telah menjadikan mereka khalifahnyanya memerintah manusia di bumi ini. Raja-raja yang tersebut hanya tahu mengeluarkan perintah atau menegah dengan tidak memandang adakah perintah-perintahnya ini disukai oleh orang ramai atau tidak, kerana pada pendapatnya, orang ramai itu tidak berhak menyukai atau membenci - ia menghendaki supaya semua rakyat jelata tunduk menjunjung pemerintahnya. Kebencian atau kesukaan rakyat jelata itu tidak menjadi hal kepadanya. Tuan boleh

gemar melihat matahari terbit pada pagi hari dan benci melihat matahari terbenam pada waktu senja - tetapi kegemaran tuan tidak akan mempengaruhi matahari pada masa terbitnya dan tidak menghalanginya pada masa ia hendak terbenam.


Manusia telah merasa dengan cara perintahan yang tersebut - mereka merasa sedikit kebahagiaan tetapi banyak bencana daripadanya. Ada juga yang cuba hendak mengubahnya dan mereka dari satu ke suatu masa dapat mendatangkan perubahan itu. Dari masa itu manusia telah merasa perintahan yang berdasar aristokrat (perintahan yang dipimpin oleh bangsawan) daripada puak yang sedikit dan mempunyai corak keadilan, tetapi keadilan itu hanya dijalankan di antara mereka sahaja - tak dapat dirasa oleh rakyat jelata. Masyarakat manusia juga telah merasa perintahan diktator yang kejam yang timbulnya bertujuan hendak membinasakan rakyat jelata daripada kezaliman perintahan yang tersebut di atas tadi, dan hendak mengembangkan keadilan di antara umum orang-orang ramai dengan tidak membeza-bezakan di antara yang kuat dengan yang lemah, di antara kaya dengan miskin; tetapi pengemudi-pengemudi kerajaan cara diktator ini tak mendapati lain daripada menabur kezaliman kepada rakyat dan hendakkan kumpulan yang sedikit itu (aristokrat) bersama-sama dengan kumpulan yang banyak (rakyat jelata) dengan meletakkan kedua-duanya di dalam kehinaan dan penderitaan iaitu kedudukan yang rakyat-rakyat itu meronta-ronta hendak melepaskan diri daripada cengkamannya.

Selain itu manusia pun dapat juga merasa pemerintahan yang dinamakan "demokrat" yang disangka mereka menjadi sebaik-baiknya yang akan mendatangkan keadilan yang mengenai siasah dan masyarakat dengan cara memulangkan kekuasaan memerintah kepada orang ramai. Mereka telah mencuba cara perintahan yang tersebut dan mereka telah merasa sedikit keadilan tetapi tak mendapat keadilan yang sempurna bahkan tak dapat menerima keadilan selain daripada yang semudah-mudahnya dan tidak begitu mustahak. Sesungguhnya manusia hingga hari ini belum berpeluang bermuafakat dan sekata atas sesuatu dasar yang tertentu; dan sebab itulah pada zahirnya mereka menyerahkan sesuatu urusan negara itu kepada rakyat jelata

tetapi hakikatnya mereka tidak bekerja kerana menghasilkan cita-cita yang tersebut. Mereka cuba meminta fikiran orang ramai dalam perkara yang mengenai orang ramai tetapi apabila terbit sesuatu pertelingkahan bahkan pertelingkahan itu sudah tentu akan berbangkit, mereka akan meloloskan kehendak-kehendak pihak yang lebih banyak dan tidak melayan pihak yang sedikit; dan dengan ini bermakna bahawa mereka memberi peluang kepada pihak yang banyak menindas pihak yang sedikit; ataupun memerintah puak itu dengan cara yang tidak digemarinya. Sekiranya diberi peluang kepada pihak yang terbanyak memerintah dirinya sendiri dan puak lainnya nescaya corak yang demikian akan menghampiri kepada keadilan dan menjauhi daripada kezaliman yang terkeji; tetapi pihak yang terbanyak itu tidak memerintah sendiri, dan tidak ada jalan supaya mereka memerintah sendiri, mereka hanya menyerahkan teraju perintahan itu kepada wakil-wakil mereka. Boleh jadi cara memilih wakil-wakil itu kena pada tempatnya dan boleh juga tidak tetapi perkara yang tidak ada syak lagi di dalamnya ialah bahawa wakil-wakil yang diangkat itu orang yang bersifat manusia juga - ada yang teguh azaman dan ada yang lemah, ada yang kasar gerak-langkahnya dan ada yang lemah lembut - ada yang mempunyai sifat yang berpada dengan apa yang ada, tetapi ada juga yang tamak; ada yang bersifat suka berkorban kerana maslahat ramai tetapi ada juga yang mengutamakan maslahat diri - walhal mereka sentiasa terdedah kepada melampaui



Angkatan payung terjun Indonesia sedang berlatih di Padang Kapal Terbang Andir - di Jakarta di dalam suatu istiadat baharu-baharu ini - Gambar Jabatan Penerangan Indonesia di Singapura



Pemuda-pemuda pegawai-pegawai Angkatan Terbang Indonesia sedang bersiap sedia. Indonesia sedang menyusun angkatan udaranya sebab kemerdekaan tidak akan kekal selagi belum ada angkatan yang kuat bagi mengawal dirinya - Gambar Jabatan Penerangan Indonesia di Singapura.

tujuan-tujuan asal yang kerananya mereka ditanggungkan menunaikannya dan sentiasa terdedah kepada tergelincir daripada jalan yang benar yang dengan itu mereka membawa orang ramai tergelincir bersama-sama serta mereka juga melakukan kesalahan-kesalahan seperti yang dilakukan oleh raja-raja yang kejam - sebagaimana juga kesalahan-kesalahan yang dilakukan dalam pemerintahan aristokrat yang mementingkan maslahat diri serta sebagaimana kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh diktator-diktator yang kejam yang memuncak kepada kezaliman dan kekejaman.

Dengan semua ini kita belum lagi mencapai keadilan di dalam siasah apa lagi kalau kita berkehendak keadilan masyarakat yang bertujuan bukan sahaja menjadikan manusia sama-rata sama-rasa dihadapan hakim tetapi menjadikan kedudukan mereka sama-rasa mendapat hasil-hasil yang telah ditetapkan manusia hidup di atasnya. Sesungguhnya telah lemahlah segala jenis pemerintahan yang telah dirasa oleh manusia di dalam segala peringkat masa bagi menghasilkan keadilan masyarakat yang dicita-cita itu akan membawa manusia kepada bertenang dan bersenang-lenang aman damai.

Masyarakat manusia hari ini telah pun dapat melihat sendiri hal itu dan tak payahlah kita melanjutkan kata-kata kerananya. Pemerintahan demokrasi mendatangkan

sedikit kebebasan kepada manusia dan persamaan dalam undang-undang tetapi ia tak dapat menghasilkan sesuatu keadilan yang mengenai masyarakat.

Perintahan komunis pula telah mendatangkan sedikit sebanyak keadilan yang mengenai masyarakat iaitu dengan menghapuskan perbezaan-perbezaan dan memberi peluang kepada rakyat jelata yang bekerja supaya mereka bekerja dengan merasa hasil pekerjaannya dan memberi peluang kepada rakyat-rakyatnya yang lemah yang tidak berupaya bekerja supaya mereka dapat hidup dan tidak terdesak dengan kehinaan tetapi perintahan ini telah mengorbankan kebebasan rakyat jelatanya dengan tidak ada sedikit pun kebebasan yang ditinggalkan kepada mereka.

Perintahan yang berdasar Fasist pula telah mengorbankan kebebasan dan keadilan kedua-duanya sekali - rakyat telah ditunduk dan dihina dengan sehina-hinanya di bawah kekuasaan kerajaan - mereka diperhambakan kerana maslahat-maslahat kerajaan dengan tidak diberi nikmat hasil usaha mereka dan kebebasan mereka tidak terpelihara walau sedikit pun.

Manusia telah menempuh berbagai-bagai jalan bagi mencapai suatu cara pemerintahan yang baik dan telah pun mereka mencuba pemerintahan-pemerintahan yang tersebut dengan tidak mendapat sesuatu tujuan. Dengan sebab itu manusia masih menderita kezaliman dan kekejaman dan merasa gelisah menderita berbagai-bagai tindasan dan sebab itulah mereka didapati sedang mencari-cari suatu pemerintahan yang baik yang boleh mendaman kebebasan dan keadilan bagi rakyat jelata.

Cara perintahan yang baik inilah kerajaan Islam (al-Khalifah al-Islamiah) pada zaman Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar cuba hendak membentuknya. Malangnya Saidina Abu Bakar telah wafat sebelum mencubanya; dan Saidina Umar yang telah menjalankan percubaannya itu dengan seluas-luasnya telah terbunuh. Pada permulaannya beliau sendiri tidak berkenan cara perintahan yang dapat dibentuk kerana telah diriwayatkan bahawa beliau pernah berkata dalam akhir hayatnya demikian: Sekiranya aku berpeluang sekali lagi memegang tampuk pemerintahan nescaya aku akan mengambil harta hartawan-hartawan yang berlebihan-lebihan dan membahagikannya kepada semua fakir miskin.

Sekarang terang bahawa Saidina Umar sendiri belum dapat menghasilkan sepenuh-penuh keadilan kepada rakyat jelata sebagaimana yang dicita-citanya dan beberapa lama telah berjuang kerananya. Semuanya ini adalah menunjukkan bagaimana besarnya soal keadilan yang mengenai masyarakat itu, sebenarnya belum pernah seorang raja atau pemerintah yang telah cuba mendatangkan keadilan dan menghasilkan keadilan sebagaimana yang telah dibuat oleh Saidina Umar radhiallahu anhu. Tetapi kejayaannya ini tidak juga dapat memuaskan rakyat jelata pada zamannya bahkan kebanyakan mereka taat setia ialah kerana gerun kepada kekuasaannya. Demikian juga orang-orang yang sangat mencintainya dan mereka-mereka yang dicintai olehnya sentiasa mereka bermohon kiranya ia memberi maaf kepada dirinya dan kepada diri mereka dan semua rakyat jelata – tetapi permohonan itu tinggal permohonan kerana beliau mengutamakan keadilan itu lebih daripada segala-galanya.

Orang-orang asing yang telah ditewaskan dan yang telah menjadi rakyat jelata Islam, mereka juga tidak berpuas hati dengan percubaan Saidina Umar itu kerana mereka berpendapatan bahawa mereka diperintah mengerjakan barang yang tidak digemari mereka dan barang yang lebih daripada yang dapat dikerjakan oleh mereka, sementelah pula mereka berpendapatan bahawa kemajuan mereka lebih tinggi daripada orang-orang Arab. Selain daripada itu mereka tidak suka duduk dibawah perintahan suatu umat yang tidak tinggi kemajuannya. Dengan sebab tidak puas hati itulah Saidina Umar telah terbunuh ditikam oleh seorang bangsa Parsi seperti yang terbentang dengan jelasnya di dalam tawarikh.

(Rencana ini disambung dalam keluaran yang akan datang)

Anas Ibnu Malik pernah melalui kanak-kanak lalu ia memberi salam kepada mereka itu dan ia berkata bahawa Rasulullah (SAW) biasa membuat begitu. – al-Hadis.

-----*-----*-----
 Tiap-tiap umat itu sesungguhnya mendapat ujian dan

ujian bagi umatku ialah harta: – al-Hadis


Riwayat Tirmizi.

SEDARCAH TUAN.....?

Seluruh alam Islami dari Morocco hingga ke Indonesia sedang bergerak menuju kepada sefahaman dan bersatu padu dengan kukuhnya. Beberapa muktamar-muktamar telah diadakan kerana merundingkan hal ehwal mereka dan yang akhir sekali di Karachi pada bulan yang lalu. Adakah semuanya orang-orang Islam sudah berbuat demikian? – Tidak! Kerana di dalam masa itu juga orang-orang Islam yang hidup di dalam “pagar besi” dan terletak di bawah tindasan “tukul dan sabit” (yang difahamkan oleh ulama kita Yakjuj wa Makjuj) itu telah terasing dan terpisah dengan kita dan tidak dapat bersatu di dalam kebangkitan Islam yang baharu ini. Mereka tidak mengetahui walau sedikit pun perihalnya dan perihal ehwal kita.

Hal ini telah disedari oleh Akhbar “Karachi Gazette” yang telah menulis: “Pakistan yang sifatnya menjadi sebesar-besar kerajaan Islam di Timur Jauh berpendapatan bahawa telah menjadi kewajipan atasnya memimpin alam Islami dalam masa ini yang penuh dengan pancaroba dan yang sedang diliputi oleh keluh-kesah yang di dalamnya tersebar faham komunis itu”.

Mereka itu di sana sedang tetap menderita sebab keterangan yang sah telah pun kita dengar betapa penanggungan orang-orang Islam di Xinjiang tatkala mereka terletak di bawah kuasa komunis.



Angkatan payung terjun Indonesia sedang bersiap sedia –

Gambar Jabatan Penerangan Indonesia di Singapura.